

541:

MAHATHIR-SENILUKIS

1975

KUALA LUMPUR, 12 JULAI (BERNAMA) -- PARA PELUKIS DISERU MENYESUAIKAN KARYA MEREKA DENGAN KEADAAN ALAM SELARAS DENGAN PERKEMBANGAN DAN KEMAJUAN FIKIRAN DEWASA INI.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA, WALAUPUN NEGARA INI MEMPUNYAI PARA PELUKIS YANG BERAKAT TETAPI KEBANYAKAN MEREKA MASIH TERIKAT KEPADA LUKISAN-LUKISAN YANG BERCORAK KEKAMPUNGAN.

BERUCAP MERASMIKAN PAMIRAN SENILUKIS KANAK-KANAK DI MUZIUM NEGARA HARI INI, BELIAU MENAMBAH, SUNGGUHPUN MUTU SENILUKIS TEMPATAN TIDAK JAUH BERBEZA DENGAN MUTU LUAR NEGERI, NAMUM SAMBUTAN TERHADAP NYA SANGAT DINGIN.

+SIKAP DINGIN INI MUNGKIN DISEBABKAN NILAIAN TERHADAP SATU-SATU KARYA ITU TIDAK SETINGGI SEPERTI NILAIAN ORANG-ORANG BARAT, + KATANYA.

BELIAU YAKIN SIKAP DINGIN ITU AKAN BERUBAH APABILA PARA PELUKIS TEMPATAN DAPAT MENGHASILKAN LUKISAN-LUKISAN YANG BERMUTU DAN BERNILAI TINGGI.--BERSAMBUNG-1436/BY

542:

MAHATHIR-SENILUKIS 2 KUALA LUMPUR

TAMBAHNYA, DENGAN TERTUBUHNYA KELAS SENILUKIS KANAK-KANAK ITU, KANAK-KANAK AKAN DAPAT DIBANTU MELAHIRKAN PERASAAAN, EMOSI DAN PENGALAMAN MEREKA SECARA BEBAS DISAMPING MENGGUNAKAN PANCAINDERA MEREKA SELUAS-LUASNYA.

DENGAN GALAKAN SERUPA ITU, NEGARA MUNGKIN DAPAT MENGWUJUDKAN AHLI-AHLI SENI, TERMASUK SENIBINA YANG BOLEH MEMBERI GAMBARAN KEPADA BUNIA BAHAWA MALAYSIA MEMPUNYAI KESENIAN YANG TERSENDIRI.

OLEH KERANA BIDANG SENILUKIS MEMPUNYAI MASA DEPAN YANG CERAH, KANAK-KANAK HENDAKLAH DIBERI BIMBINGAN DAN DORONGAN YANG KUAT SUPAYA DAPAT MENGHASILKAN KARYA-KARYA ASLI YANG TIMBUL DARI PEMIKIRAN MEREKA SENDIRI.

TERDAHULU DARI ITU, KETUA PENGARAH MUZIUM, ENCIK SHAHRUM YUB BERKATA, PAMIRAN TERSEBUT TIDAK SALAH SATU KEGIATAN BAHAGIAN KHIDMAT PELAJARAN, MUZIUM NEGARA YANG TELAH DIMULAKAN LIMA TAHUN LALU.

BELIAU MENYERU PIHAK YANG SUDI MEMBANTU MUZIUM NEGARA MENGADAKAN LEBIH BANYAK KELAS SEPERTI ITU DAN JUGA BIDANG-BIDANG SENI YANG LAIN.--BERSAMBUNG-1440/BY

543:

MAHATHIR-SENILUKIS 3 KUALA LUMPUR

HASIL SERUPA ITU, KATANYA, TELAH PUN DIPERKENALKAN KE PERINGKAT ANTARABANGSA. UMPAMANYA DALAM BULAN JANUARI LALU, 15 BUAH KARYA KANAK-KANAK TELAH DIHANTAR KE BELGIUM UNTUK PERTANDINGAN SENILUKIS KANAK-KANAK ANTARABANGSA.

PADA BULAN FEBRUARI LALU, 14 KARYA TELAH DIPILIH UNTUK DIPAMIR-- DI UNIVERSITI OF KEELE, LONDON.

KIRA-KIRA 200 BUAH LUKISAN TERMASUK 20 KEPING LUKISAN TEMBAGA DAN BEBERAPA UKIRAN KAYU TRADISIONAL DIPERTUNJUKKAN DALAM PAMIRAN SELAMA TIGA MINGGU ITU.--BERNAMA-1444/BY